



JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN
Department of Skills Development
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA, MALAYSIA
Ministry of Human Resources, Malaysia
ARAS 7-8, BLOK D4, KOMPLEKS D,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN,
62530 PUTRAJAYA, MALAYSIA



Telefon : 03-8886 5000
Fax : 03-8889 2423
Call Center : 03-8871 1227
Email : jpk@mohr.gov.my
website : www.dsd.gov.my

Rujukan kami : JPK 100-30/19 Jld.4
Tarikh : 8 Mei 2020

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Dr./ Tuan/ Puan,

PENGOPERASIAN INSTITUSI LATIHAN KEMAHIRAN SWASTA (ILKS) SEMASA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Dr./ Tuan/ Puan sedia maklum, YAB. Perdana Menteri dalam perutusannya pada 1 Mei 2020 menyatakan bahawa mulai 4 Mei 2020 semua sektor ekonomi dan aktiviti perniagaan akan dibenarkan beroperasi tertakluk kepada syarat-syarat dan garis panduan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa. Oleh yang demikian, Institusi Latihan Kemahiran Swasta (ILKS) **boleh memulakan operasi dan pengurusan ILKS mulai 4 Mei 2020** bagi memastikan penyampaian perkhidmatan yang berkesan.

3. Selaras dengan perutusan YAB. Perdana Menteri bertarikh 1 Mei 2020, ILKS hendaklah mempertimbang dan memberi kelonggaran untuk menggunakan waktu kerja fleksi dan menggalakkan bekerja dari rumah. Ini adalah dengan mengambil kira urusan atau tugas pegawai berkenaan tidak memerlukan keberadaan pegawai di pejabat pada masa atau sepanjang tempoh yang ditetapkan.

4. IKLS dibenarkan untuk melaksanakan operasi dan Pengurusan mengikut keperluan organisasi masing-masing. Dalam hubungan ini, ILKS perlu bertanggungjawab sepenuhnya ke atas pelaksanaan operasi

pengurusan tersebut. Oleh itu, ILKS hendaklah menyediakan satu **garis panduan dalaman** sebagai langkah kawalan untuk membendung penularan pandemic COVID-19 **sebelum ILKS memulakan operasi**. Keselamatan dan kebajikan warga ILKS **mesti diberikan keutamaan** pada setiap masa.


5. Namun demikian, adalah diingatkan bahawa **aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara bersemuka adalah tidak dibenarkan** bagi mengelakkan sebarang bentuk perhimpunan. Sehubungan itu, pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Dr./ Tuan/ Puan adalah dimohon untuk **mematuhi sepenuhnya peraturan dan arahan yang dikeluarkan oleh Kerajaan** serta Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dari semasa ke semasa sebagai langkah pencegahan wabak COVID-19.

6. Segala perhatian dan kerjasama YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Dr./ Tuan/ Puan dalam mematuhi arahan ini bagi tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“Pekerja dan Cabaran Budaya Norma Baharu”

Saya yang menjalankan amanah,



(ZAIHAN BIN SHUKRI)
Ketua Pengarah
Jabatan Pembangunan Kemahiran
Kementerian Sumber Manusia

s.k i. **Ketua Setiausaha**
Kementerian Sumber Manusia.

- ii. **Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar & Antarabangsa)**
Kementerian Sumber Manusia.

- iii. **Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi)**
Kementerian Sumber Manusia.